

SOALAN NO. : 03

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MQT DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : MQT

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO.3

DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT] Minta **Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli**, Apakah situasi semasa bekalan air di Negeri Johor terutamanya di kawasan Selatan Negeri Johor iaitu Johor Bahru dan Kota Tinggi, termasuk isu penjualan air mentah kepada Singapura dan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan kemampuan bekalan air dalam jangka masa panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara ringkasnya masalah bekalan air di Negeri Johor berlaku disebabkan oleh 2 faktor utama, iaitu kekurangan sumber air mentah disebabkan fenomena cuaca panas dan kemarau panjang, dan kedua, peningkatan permintaan bekalan air terawat yang tinggi terutama bagi kawasan selatan Negeri Johor (Johor Bahru/Kota Tinggi) disebabkan pembangunan yang pesat.
2. Sejak bulan Ogos 2019 dan hingga akhir bulan November 2019, operasi bagi beberapa buah loji rawatan air (LRA) di Daerah Johor Bahru terpaksa diberhentikan. Di samping itu, program bekalan air berjadual (BAB) telah dilaksanakan bagi kawasan yang terjejas melibatkan 61,960 akaun pengguna.
3. Kadar rizab margin terutamanya di Daerah Johor Bahru juga masih berada di tahap yang meruncing di sekitar 4%, di mana lebih rendah daripada sasaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu antara 10%-15%. Selain itu, permintaan bekalan air terawat bagi daerah Johor Bahru juga diunjurkan akan meningkat sebanyak 3.5% setahun bersamaan dengan 35 juta liter sehari (JLH). Menjelang tahun 2020, permintaan air terawat kawasan Johor Bahru diunjurkan meningkat kepada 1,135 JLH dan rizab margin air terawat dijangka mencecah sifar (0) menjelang suku ketiga tahun 2020, sekiranya langkah-langkah mitigasi bagi menambah pengeluaran bekalan air terawat tidak dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi menampung defisit ini, Johor pada masa ini bergantung kepada bekalan air terawat dari Singapura sebanyak 70 JLH dan meningkat kepada 96 JLH semasa musim kemarau dan cuaca panas. Berdasarkan Perjanjian Air Sungai Johor 1962 (Perjanjian 1962), Singapura hanya perlu membekalkan 22 JLH sahaja. Dalam hal ini, terdapat keperluan yang mendesak untuk memastikan kemampuan bekalan air di Johor dalam jangka masa panjang termasuk untuk mengurangkan kebergantungan kepada bekalan air terawat dari Singapura.
5. Untuk itu, Kementerian telah mengambil langkah melaksanakan inisiatif *Zero Dependency*, dengan izin, dengan memberi fokus kepada 2 aspek utama.
6. Pertama, meningkatkan sumber air mentah dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM660 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Antara projek-projek yang telah dikenalpasti termasuk:
 - (i) Skim Penyaluran Air Mentah dari Sg. Sedili Besar (RM152 juta) yang mampu menambah kuantiti air mentah sebanyak 320 JLH dan mampu menampung permintaan air mentah sehingga tahun 2028. Projek ini dalam peringkat pelantikan perunding; dan
 - (ii) Pelaksanaan Projek *Off River Storage* (ORS) Sg. Johor (RM508 juta). Projek ini mampu menambah sumber air mentah sebanyak 450 JLH. Projek ini dijangka siap pada Disember 2024.

7. Manakala projek *Coastal Reservoir* Sg. Johor dan projek Baraj Ulu Sedili Besar akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Kedua-dua projek ini masih di peringkat kajian.

8. Di samping itu, Kementerian juga akan memberi penekanan kepada penerokaan air bawah tanah sebagai sumber air mentah di bawah RMKe-12 di Negeri Johor.

9. Manakala aspek kedua memfokus kepada peningkatan bekalan air terawat. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan termasuk:

- (i) Pembinaan Projek LRA Sg. Layang 2 oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) melibatkan 2 fasa dengan jumlah kos sebanyak **RM500 juta**.

Fasa 1 dengan kapasiti 160 JLH dijangka siap pada suku ketiga 2022 dan mampu menampung permintaan bekalan air terawat sehingga suku kedua tahun 2024 dengan kos sebanyak **RM452 juta**.

Fasa 2 dengan 160 JLH dijangka dapat dimulakan pada suku pertama tahun 2022 dan siap pada suku pertama tahun 2024. Fasa ini mampu menampung permintaan bekalan air terawat sehingga tahun 2028 dengan anggaran kos **RM48 juta**.

- (ii) Pembinaan loji pakej berkapasiti 20 JLH di LRA Sg. Layang dengan kos sebanyak RM 22 juta. Loji ini dilaksanakan oleh PAAB secara *fast track* dengan tempoh pembinaan selama 6 bulan dan dijangka siap menjelang Jun 2020.

Tuan Yang Dipertua,

10. Pelaburan besar ke atas pelaksanaan projek-projek bekalan air perlu diimbangi dengan keupayaan syarikat air untuk membuat pembayaran semula kemudahan pembiayaan yang disediakan dan kos operasi penyediaan perkhidmatan kepada pengguna. Oleh itu, operator air mestilah mencapai tahap kemampanan kewangan yang sihat bagi membolehkan mereka terus memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna, di samping melunaskan pembayaran sewa pajakan kepada PAAB.

11. Dalam hubungan ini, semakan kadar tarif air sedia ada melalui Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) adalah merupakan satu keperluan mendesak. Perkara ini bertujuan memastikan kadar tarif yang dikenakan kepada pengguna melambangkan kos sebenar penyediaan perkhidmatan kepada pengguna.

12. Walau bagaimanapun, Kementerian memberi jaminan bahawa kenaikan tarif dari pelaksanaan TSM adalah minimum, iaitu hanya melibatkan kenaikan antara 6 sen sehingga 71 sen bagi setiap 1,000 liter penggunaan. Jika dibandingkan dengan utiliti-utiliti lain, perbelanjaan isi rumah ke atas penggunaan air adalah kecil iaitu di antara 5% hingga 6% berbanding tenaga (34%), internet (28%), telekomunikasi (17%) dan saluran televisyen berbayar (13%).

Tuan Yang Dipertua,

13. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menjelaskan mengenai isu air antara Malaysia dan Singapura. Sepertimana Yang Berhormat semua sedia maklum, Perjanjian Air 1962 memberi hak kepada Singapura untuk mengekstrak 250 juta gelen sehari (1094 JLH) air mentah dari Sg. Johor pada kadar 3 sen untuk setiap 1,000 gelen sepertimana dalam Perjanjian 1962 dengan izin:

*“Clause 5 (i) **The Goverment of the State of Johore** hereby grants unto the **City Council of the State of Singapore** : - (i) the full and exclusive right and liberty to draw off take impound and use water from the Johore River **up to a maximum of 250 million gallons per day (1094JLH)**...”*

*“Clause 13 (1) **The City Council of the State of Singapore shall pay the Goverment of the State of Johore** in addition to any other payment by these presents reserved **a charge of three cents for every one thousand gallons of water drawn** by the City Council of the State of Singapore from Johore River and delivered to Singapore...”*

14. Malaysia sebaliknya layak membeli sebanyak 5 juta gelen sehari pada kadar 50 sen untuk setiap 1,000 gelen, dengan izin:

*“Clause 11 (1) **The City Council of the State of Singapore shall supply to the Goverment of the State of Johore** upon receiving written notice from the Goverment of the State of Johore to that effect a daily quantity of water drawn off from the Johore River not*

exceeding at any time two per cent of total quantity of water supplied to Singapore (5MGD/22JLH)..."

*"Clause 13 (2) The Goverment of the State of Johore shall pay to City Council of the State of Singapore **fifty cents for every one thousand gallons of pure water supplied** by the City Council of the State of Singapore to the Goverment of the State of Johore..."*

15. Perjanjian 1962 yang dibuat pada 29 September 1962 dengan tempoh perjanjian selama 99 tahun juga menyebut bahawa harga jualan air mentah boleh dirundingkan semula selepas 25 tahun perjanjian ditandatangani dengan izin, sepetimana berikut:

*"Clause 14 Clause of these presents shall be subject to review **AFTER the expiry of twenty-five years from the date of these presents and shall be reviewed by the parties and the facts that are to be taken into account upon such review shall include INTER ALIA rise or fall in the purchasing power of money and any rise or fell in the cost of labour, power and materials for the purpose of supplying the the water...."***

16. Di sinilah timbulnya isu *interpretation*, dengan izin, terhadap Perjanjian 1962 berkenaan. Singapura mendakwa bahawa Malaysia telah hilang hak untuk semak semula harga penjualan air mentah kerana tidak berbuat demikian pada tahun 1987 (iaitu 25 tahun selepas Perjanjian ditandatangani). Sebaliknya, pihak Jabatan Peguam Negara telah mengesahkan bahawa Malaysia masih mempunyai hak berbuat demikian kerana Perjanjian 1962 menyebut bahawa semakan harga air boleh dibuat

setiap tahun selepas 25 tahun dari tarikh Perjanjian 1962 ditandatangani. Perkara ini dalam tindakan Jabatan Peguam Negara.

17. Kementerian menghormati obligasi Malaysia seperti termaktub dalam Perjanjian 1962. Cuma apa yang ingin saya sampaikan ialah Malaysia telah berkorban sumber air untuk kepentingan pihak lain *at the expense*, dengan izin, seluruh rakyat Johor. Banyak perbelanjaan yang perlu dikeluarkan bagi memastikan Singapura sentiasa boleh mengekstrak 250 juta gelen sehari air mentah dari Sg. Johor. Sebagai contoh, Kementerian membelanjakan hampir RM100 juta bagi membina baraj Sg. Johor bagi mengelak kemasukan air masin ke Sg. Johor. Sudah pasti pelaburan besar Kerajaan tidak setimpal dengan harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelan yang dijual kepada Singapura.

18. Kadar ini adalah sangat tidak munasabah dan terlalu murah jika dibandingkan dengan kadar-kadar penjualan air mentah di negara-negara lain seperti China - Hong Kong (RM14.50/1000 gelen), China - Macau (RM6.80/1000 gelen), China - Taiwan (RM5.80/1000 gelen), dan Turkey - Cyprus (RM10.37/1000 gelen) mahupun penjualan air mentah dalam negara seperti di Pahang - Selangor (RM0.46/1000 gelen), dan Johor - Melaka (RM0.50/1000 gelen).

Tuan Yang Dipertua,

19. Oleh itulah, Kementerian mengambil pendirian bahawa harga ini perlu disemak semula. Hasrat ini telah disampaikan kepada pihak Singapura.

20. Pihak Singapura mendakwa bahawa semakan harga air tidak dilakukan oleh Malaysia pada ketika itu (1987 dan 2012) kerana ia menguntungkan rakyat Johor yang hanya perlu membayar 50 sen bagi setiap 1,000 gelen air terawat. Malah pihak Singapura juga membuat kenyataan bahawa **atas prinsip ‘goodwill’, dengan izin, mereka telah membekal air terawat lebih daripada jumlah yang dipersetujui di bawah Perjanjian 1962 dengan harga yang sama iaitu 50 sen bagi setiap 1000 gelen. Singapura menganggap perkara ini sebagai subsidi Kerajaan Singapura kepada Malaysia.**

21. Sebenarnya, Malaysia yang selama ini memberikan subsidi kepada Singapura dengan menjual air mentah pada kadar yang amat rendah. Subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada Singapura sejak tahun 1962 mencecah berbilion ringgit. Ini tidak termasuk bekalan air mentah percuma yang diberikan kepada Singapura dari tahun 1927 hingga 1961. Sekiranya jumlah 250 Million Gallon Perday (MGD) air mentah yang dijual kepada Singapura dibekalkan kepada rakyat Johor dalam bentuk air terawat, dianggarkan hasil yang diperolehi adalah sekitar RM 14.7 billion (1987 sehingga 2018). Hasil ini tentunya dapat digunakan untuk membantu Malaysia dalam membangunkan kemampuan bekalan air di Negeri Johor.

22. Jika berlakunya *water stress*, dengan izin di negeri Johor, Kerajaan akan mengutamakan keperluan bekalan air rakyat negeri Johor terlebih dahulu berbanding keperluan pihak luar. Bagi mengatasi masalah bekalan air di Negeri Johor, peruntukan bagi Perbelanjaan Modal (*Capex Expenditure – CAPEX*) yang besar diperlukan untuk meningkatkan rizab margin kepada 10 peratus seperti yang telah ditetapkan oleh SPAN.

Selain itu, pelaburan besar juga diperlukan bagi menangani fenomena perubahan iklim dan mencapai sasaran *Sustainable Development Goals* (SDG), dengan izin. Maka, saya ingin menyeru Kerajaan Singapura untuk bersikap lebih terbuka dengan cadangan Malaysia untuk menyemak semula harga penjualan air mentah berdasarkan Klausu 14 Perjanjian Air 1962. Ini kerana *water stress*, dengan izin di Johor juga akan memberi kesan kepada Singapura.